

KEBERKESANAN PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL
KERENGETUAAN KEBANGSAAN
(NPQH)

KAMARUZAHAN BIN MOHDUNNY

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

129585



129585

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan atau *National Professional Qualification for Headship* (NPQH) berdasarkan tiga aras utama iaitu reaksi, pembelajaran dan tingkah laku. Penilaian reaksi melibatkan enam aspek iaitu kemudahan fizikal, bahan pelajaran, penyampaian pensyarah, Program Praktikum, Program Sandaran dan kandungan kursus. Penilaian pembelajaran melibatkan sembilan aspek iaitu Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi, Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Hal-ehwal Murid, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Pentadbiran Pejabat, Pengurusan Persekuturan dan Kemudahan Fizikal, Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Pengurusan Perhubungan Luar. Penilaian tingkah laku melibatkan empat aspek iaitu pengenalpastian masalah, perancangan strategik, pelaksanaan strategik dan penilaian strategik serta kualiti peribadi. Kajian ini menggunakan soal selidik, skor ujian pencapaian, skor Program Sandaran dan temu bual sebagai intrumen. Data dianalisis menggunakan min, sisihan piawai, MANOVA dan regresi. Seramai 271 responden dilibatkan dengan kajian ini dengan menggunakan teknik bersampelan rawak berstrata. Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah memuaskan terhadap program latihan ini. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat peningkatan terhadap pengetahuan dan kemahiran, disebabkan oleh kehadiran peserta dalam program latihan ini. Dapatkan kajian juga menunjukkan peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan baik di tempat latihan. Dapatkan juga menunjukkan terdapat perbezaan reaksi bagi aspek kemudahan fizikal, penyampaian pensyarah dan Program Praktikum bagi kumpulan Siswazah dengan Bukan Siswazah. Terdapat perbezaan pembelajaran bagi aspek Pengurusan Kurikulum dan perbezaan tingkah laku bagi aspek pelaksanaan dan penilaian strategik, bagi peserta lelaki dengan perempuan. Seterusnya, terdapat perbezaan pembelajaran bagi aspek Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi, Pengurusan Hal-ehwal Murid, Pengurusan Persekuturan dan Kemudahan Fizikal, Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Pengurusan Perhubungan Luar, bagi kumpulan Siswazah dengan Bukan Siswazah. Secara keseluruhannya, kebanyakan peserta menerima baik program latihan ini dan berpuas hati terhadap penilaian reaksi, pembelajaran dan tingkah laku. Implikasi dapatkan kajian mencadangkan agar program ini wajar diteruskan. Namun demikian, usaha untuk memperbaiki keberkesanan perlu dipertingkatkan agar menjadikannya lebih memenuhi keperluan bakal pengurus sekolah di Malaysia.